

Headline	UMUM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Jun 2014	Color	Black/white
Section	Letters	Circulation	178,211
Page No	23	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	193 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,515
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,545



UMUM

■ **SYARAT** bagi Bekas Tentera Tidak Berpencen (BTTB) mahu menjadi anggota polis mesti mempunyai kepujian Bahasa Malaysia dalam SPM walaupun bekas anggota tentera itu memiliki diploma komando GGK. Dalam soal BTTB mahu memohon menjadi anggota polis, adakah diploma GGK langsung tidak punya kelebihan berbanding kelulusan SPM?

EX KDO GGK

■ **BAGILAH** peluang kepada pemegang sijil SPM juga peluang pekerjaan dalam sektor kerajaan dan swasta. Kasihanilah kami yang sukar mendapat pekerjaan disebabkan kelulusan kami hanya setakat SPM.

ORG SEDERHANA

■ **SENI** nyanyian dan lakonan haruslah di nilai daripada bakat dan kebolehan. Jika inginkan seni tersebut bertahan lama janganlah kita menilai daripada paras rupa seperti yang banyak berlaku sekarang.

017-344XXXX

■ **MALU** saya pada diri sendiri apabila saya membaca di akhbar melabelkan Erra Fazira sebagai primadona alaf baru.

RAZAK PD

■ **SAYA** amatlah menentang penjajah bahasa Melayu yang merosakkan bahasa Melayu apabila menyebut perkataan 'menyapot' dalam satu siaran radio pada hari Sabtu 7/6/2014 lalu, sebab perkataan tersebut memang merosakkan bahasa Melayu.

012-556XXXX

■ **TAK** perlulah nak masukkan gambar kita bercium di Instagram ke atau apa-apa ke, walau pun sah sekali pun. Tak malu ke. Jangan syok sendiri.

WEN

■ **BERASA** amat kesal Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Antarabangsa di PWTC Kuala Lumpur nampak dalam de-

wan banyak tempat duduk yang kosong dan tidak mendapat sambutan daripada orang ramai. Sedih benar, jika ada konsert tentu ramai sehingga tak terkira penontonnya.

017-443XXXX

■ **PENGHUNI** kondominium Persiaran Tanjung, Johor Bahru dikenakan bayaran tetap untuk lot parkir persendirian. Amat menjengkelkan apabila lot parkir berbayar sering 'dicerobohi' kenderaan pihak lain.

012-901XXXX

■ **KERENAH** pemandu teksi terhadap penumpang di Kuala Lumpur sudah jadi lumrah. Saya dah lama boikot mereka (teksi dan pemandu). Mereka hanya menyusahkan orang.

PAK DIN TM

■ **JUMLAH** seramai 2.8 juta pekerja asing di Malaysia terlalu banyak. Kerajaan mesti kurangkan mereka bagi mengurangkan kes jenayah dan pengangguran melibatkan anak tempatan.

XYJ

■ **DALAM** Utusan Malaysia ramai pekebun getah puji RISDA dapat bantuan tapi bagi yang tidak dapat macam mana nak tanya RISDA?

MAT ZUKI

■ **KEPADA** sebuah keluarga yang terlibat dalam penipuan kenapa memilih pakej umrah yang tambangnya terlalu murah? Sekarang paling murah pun RM4,890. Bila jadi masalah terpaksa buat aduan ke balai polis. Banyak pakej-pakej yang berdaftar dengan Tabung Haji contohnya Andalusia, Gemilang dan banyak lagi.

ATOK NENEK

■ **ANAK** kecil pasti membesar secara fitrah manusia. Faktor persekitaran mempengaruhi akal pemikiran. Proses membentuk akhlak dan keperibadian anak adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa.

BUDAK ABC